

'Saya tidak akan berundur'

073

IPOH, Ahad — Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau tidak akan berundur selagi ada ahli Umno yang memerlukan kepemimpinannya dan selagi masa depan serta nasib Umno yang mempunyai 1.4 juta ahli belum terja-

min.

Bagaimanapun, tegasnya beliau sedia mengundur diri jika khidmatnya benar-benar tidak diperlukan lagi oleh semua ahli Umno.

"Sebab itu saya hadir di sini walaupun tidak diundang demi perpaduan dan masa

depan Umno yang sudah dibebankan di bahu saya," katanya di Persidangan Perwakilan Umno Tambun dalam lawatan mengejutnya tengah hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau juga akan mengkaji sama ada kehendak golongan yang mahu beliau berundur itu ikhlas demi kebaikan parti, sejajar dengan perlembagaan atau semata-mata kerana mahu memuaskan nafsu dan kepentingan peribadi.

"Pemimpin berbau nafsu itulah yang akan saya tentang kerana jika pucuk kepimpinan Umno jatuh ke tangan mereka, akan menghancurkan Umno dan bangsa Melayu," katanya.

Perdana Menteri juga meminta ahli-ahli Umno jangan terperanjat atau tersalah tafsiran dengan langkahnya membuat lawatan-lawatan mengejut kerana tekanan keadaan yang memaksa beliau berbuat sedemikian.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pada mulanya beliau tidak berhasrat berkempen kerana menghormati pemimpin-pemimpin parti yang ibarat adik beradik.

"Tetapi kini gejala-gejala yang menakutkan Umno sudah mula menular di dalam sebuah keluarga yang sangat saya cintai hingga muncul kem-kem yang tidak di-restui untuk menghancurkan kita," katanya.

Kotor

Sehubungan itu, beliau meminta ahli-ahli Umno supaya kembali kepada konsep pemilihan pucuk pimpinan yang sudah menjadi tradisi hingga Umno dihormati oleh masyarakat lain.

"Kita mempunyai adat yang sepatutnya dipertahankan walaupun seseorang itu tidak akan dihapuskan kerana melanggarnya.

"Tetapi kesannya nanti bukan kepada kita tetapi generasi yang bakal menggantikan kita kerana garis-garis kotor itu sudah kita bentuk," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demokrasi dalam Umno berkembang maju kerana sikap ahli-ahli yang hormat menghormati serta bertolak ansur dan bukannya seperti di Barat.

"Di sana, seseorang itu boleh berlari dengan bertelanjang bulat kerana tiada siapa yang peduli kerana mereka percaya itu adalah hak masing-masing.

"Apakah kita akan membiarkan seseorang itu melakukan perkara yang sama di negara ini yang kaya dengan adat serta soban?" katanva.